

NO. SOALAN : 324

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]**

SOALAN :

YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew [SIBU] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan jumlah peruntukan untuk aktiviti-aktiviti pelancongan di Sibu dari tahun 2008 hingga 2016, senaraikan nama aktiviti dan jumlah wang yang diperuntukkan.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan maklumat yang direkodkan Kementerian bermula dari tahun 2011 sehingga tahun 2016, jumlah peruntukan daripada pihak Kementerian bagi aktiviti-aktiviti pelancongan di Sibu adalah sebanyak RM 182,480.00. Bagi tahun 2013 hingga 2015, antara program-program pelancongan yang dijalankan adalah termasuk:

Bil	Acara	Tarikh
1.	Kursus <i>We Are The Host</i> Siri 1/2015	11 Mac 2015
2.	<i>Borneo Cultural Festival</i>	30 Julai - 8 Ogos 2015
3.	Kursus <i>We Are The Host & Tourism Awareness</i> Siri 14/2015	29 - 30 Ogos 2015
4.	Pesta Rantau Kemiding 2015 Sempena Sarawak 52 Tahun Merdeka Dalam Malaysia	31 Ogos 2015
5.	<i>Sibu International Dance Festival (SIDF)</i>	3 - 7 Jun 2014
6.	<i>Borneo Cultural Festival</i>	15 - 24 Ogos 2014
7.	<i>Countdown Homestay Rh Benjamin Angki</i>	31 Dis 2014
8.	<i>Sibu Bike Week</i>	5 - 7 Dis 2014
9.	<i>Kembara Cuti-Cuti 1Malaysia ke Sibu, Mukah dan Bintulu (media)</i>	5 - 8 Sept 2013

Pada tahun 2016, pihak Kementerian telah menyalurkan sebanyak RM 72,800.00 kepada Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Sarawak bagi penganjuran acara di daerah Sibu. Butiran peruntukan bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:

Bil	Acara	Tarikh	Lokasi Acara	Jumlah Peruntukan (RM)
1.	<i>Audit ASEAN Homestay Standard Bahagian Sibu/Sarikei</i>	25 -29 Feb 2016	i. Homestay Rh. Bawang Assan; ii. Homestay Rh. Benjamin Angki; dan iii. Homestay Rh Nyuka Sarikei	9,100.00
2.	<i>Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) Tahun Baru Cina 2016</i>	27 -28 Feb 2016	Dataran Bandar Sibu	9,400.00
3.	<i>Pelancaran Visit Sibu Year 2017</i>	12 Mac 2016	Dataran Bandar Sibu	-
4.	<i>Program Visit My Kampung Bersama YBhg. Tan Sri KSU</i>	12 Mac 2016	Homestay Rh. Benjamin Angki, Kanowit, Sibu	1,260.00
5.	<i>Kursus We Are The Host Siri 2/2016</i>	25 Mei 2016	Dewan Suarah Sibu	1,640.00
6.	<i>Program NBOS 1Malaysia Culture & Heritage: Gawai Tourism 2016</i>	4 Jun 2016	Homestay Rh. Benkamin Angki, Kanowit, Sibu	3,800.00
7.	<i>Borneo Cultural Festival</i>	21 - 30 Julai 2016	Dataran Sibu	50,000.00
8.	<i>ASEAN Homestay Standard Award</i>	6 - 8 Ogos 2016	Homestay Rh. Benkamin Angki, Kanowit, Sibu	7,000.00

Sempena Tahun Melawat Sibu 2017, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia akan terus berusaha untuk merencanakan pelbagai acara, program dan aktiviti dalam usaha menarik lebih ramai pelancong ke daerah Sibu sekaligus menjadikan daerah ini salah satu destinasi pelancongan terkenal di negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.